

Matrix Concepts agih RM30,000 bantu banjir di Johor

SEREMBAN – Matrix Concepts Holdings Berhad (Matrix Concepts) telah menyampaikan bantuan segera lebih RM30,000 kepada mangsa banjir yang terjejas teruk di Johor baru-baru ini.

Ketua Pegawai Pemasaran Kumpulan Matrix Concepts, Lim Kok Yee berkata, setakat ini bantuan itu telah diserahkan kepada 600 keluarga di tiga Pusat Pemindahan Sementara iaitu di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) York Chai, Parit Yaani, Sekolah Agama Seri Idaman dan Desa Parit Senah di Yong Peng.

“Unit perniagaan Matrix Concepts dari Wilayah Selatan telah bersatu di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat dalam menyediakan pelbagai jenis bantuan kepada hampir 2,000 mangsa di Johor.

“Selain bantuan makanan, barangan keperluan termasuk tilam, selimut, keperluan bayi, lampin pakai buang untuk orang



MATRIX CONCEPTS menyampaikan bantuan segera kepada mangsa yang terjejas akibat bencana banjir di Johor baru-baru ini.

dewasa, barangan isi rumah dan air mineral botol telah dihantar ke tiga pusat pemindahan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kok Yee berkata, sebagai se-

buah syarikat yang prihatin, Matrix Concepts ingin menghulurkan bantuan dalam tempoh mencabar ini kepada mangsa yang sedang bergelut dengan situasi banjir.



“Matrix Concepts juga ingin memanjangkan solidariti kepada rakyat Yong Peng berikutan banjir besar yang menyebabkan kemusnahan infrastruktur dan sosio ekonomi yang tidak pernah

berlaku sebelum ini.

“Diharapkan bantuan ini dapat meringankan beban mangsa banjir yang terkesan dan masyarakat turut sama-sama menghulurkan tangan membantu,” katanya.